

**Kerajaan BN Sentiasa Lakar Idea Untuk Transformasi Rakyat – Najib Bernama
04 Mei, 2012**

KOTA BAHARU, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah melaksanakan pelbagai idea dan agenda dalam usaha mentransformasikan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbanding pakatan pembangkang yang kurang jelas ideanya dan sentiasa berubah-ubah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata dalam membangunkan masyarakat, kerajaan BN sentiasa mencari idea, menetapkan agenda dan merancang pelbagai program.

"Dalam abad ke-21 kalau kita hendak bersaing, kita bersaing daripada segi idea, agenda, program yang dibentangkan kepada rakyat untuk pilih idea mana yang lebih hebat.

"BN ideanya apa?... RTC, GTP, ETP, MBE dan tak cukup dengan itu kerajaan bagi BR1M, yang mana 92 peratus penduduk atau isi rumah di Kelantan telah menikmatinya," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 70,000 orang yang menghadiri pelancaran Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan di sini, Jumaat.

(GTP merujuk Program Transformasi Kerajaan, ETP - Program Transformasi Ekonomi dan MBE - Model Baru Ekonomi).

Sebaliknya, kata Perdana Menteri agenda pakatan pembangkang sentiasa bertukar dan lebih menjurus mengajar rakyat untuk berbuat sesuatu yang tidak baik seperti menggalakkan mereka menggulingkan kerajaan melalui kaedah yang bertentangan dengan undang-undang.

Najib berkata setiap pemerintah tidak boleh memperkecilkan akal fikiran rakyat sebaliknya sesebuah kerajaan mesti menyajikan idea, agenda serta perancangan program, dan bukannya mengajar rakyat bertindak biadap.

Beliau berkata sesebuah kerajaan harus mendedahkan ideanya untuk dinilai rakyat sepertimana dilakukan kerajaan BN yang melakukan transformasi besar demi kemajuan rakyat dan negara.

"Idea inilah yang kerajaan BN buat hari ini, iaitu melancarkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC Kelantan) di sini, yang dipercayai akan menjadi satu pusat yang jauh lebih maju.

"Inilah yang saya kata sebagai persaingan daripada segi idea yang mana kerajaan ternyata lebih ada wawasan dan gagasan termasuk idea Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam membangunkan RTC membabitkan kerjasama antara lapan kementerian menyediakan perkhidmatan supaya rakyat luar bandar memperoleh pendapatan jauh lebih tinggi," katanya.

Perdana Menteri turut berjanji untuk menjadikan RTC Kelantan, yang bernilai lebih RM140 juta, sebagai satu pusat perniagaan terkenal dan berjaya sebagai satu penghargaan kerajaan BN kepada rakyat Kelantan.

Sambil menempelak kerajaan Kelantan pimpinan PAS yang dilihat semakin tidak konsisten dalam perjuangan, Najib berkata RTC, yang bertindak sebagai perantara antara pembekal

dan pembeli, bakal mencetuskan pasaran yang aktif dan berupaya memberi pulangan besar kepada petani dan peniaga.

Katanya idea kerajaan negeri hanya terbatas kepada menukar bangunan kepada warna hijau selain mengeluarkan fatwa supaya rakyat menggulingkan kerajaan.

Beliau berkata dalam tempoh seminggu sebelum dilancarkan, pusat itu telah menarik kehadiran 4,000 pengunjung dengan nilai jualan mencecah RM5 juta.

Perdana Menteri turut menarik perhatian hadirin apabila berjanji untuk memberikan sesuatu kepada rakyat Kelantan menerusi manifesto khas pilihan raya yang akan dikeluarkan tidak lama lagi dan disifatkannya "sebagai sesuatu yang jauh lebih baik".

"Dan ini saya kata titik permulaan. InsyaAllah kita akan lakukan perkara yang lebih hebat untuk negeri Kelantan. Tunggu manifesto kita, kita akan bentang dan paparkan tidak berapa lama lagi," katanya.

Menggunakan tema "Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan", RTC Kelantan menjadi pusat kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta, antaranya perkhidmatan pemborongan dan peruncitan pelbagai produk segar tempatan, kemudahan pembiayaan oleh Bank Simpanan Nasional, kaunter bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan, pejabat Pos Malaysia bergerak, Klinik Pakar Universiti Sains Malaysia, Pusat Informasi 1Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663907>